

Rusia perlu kembali

UM 17 MAR 2002

MOSCOW 16 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata, Rusia perlu menjadi negara yang kuat bagi mengembalikan keseimbangan kuasa dunia.

Beliau menegaskan, keseimbangan adalah penting dalam apa jua aspek kehidupan, termasuk hal ehwal antarabangsa.

“Jika Rusia kuat, negara-negara yang lemah akan berupaya membuat pilihan untuk memihak (sama ada kepada Rusia atau Amerika Syarikat),” katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan rasminya ke Rusia hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan mengenai keadaan dunia pada hari ini yang semakin

dikuasai oleh Amerika Syarikat selepas keruntuhan Soviet Union.

Secara berjenaka, Dr. Mahathir berkata bahawa manusia dikurniakan dua mata bagi keseimbangan penglihatan kerana jika memiliki hanya sebelah mata, pasti mudah terjatuh ketika berjalan.

Keseimbangan

Menurutnya, sejarah terutama di Eropah, membuktikan betapa perlunya keseimbangan kuasa kerana tanpanya negara yang kuat akan cuba menguasai yang lain dan bertindak tanpa timbang rasa.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir melahirkan keyakinannya terhadap ke-

pimpinan Presiden Vladimir Putin untuk membawa Rusia kembali ke era gemilang sebagaimana Soviet Union dulu.

“Putin adalah pemimpin yang kuat dan boleh mengembalikan keagungan Rusia.

“Saya melihat Putin sangat bersungguh-sungguh untuk menjamin Rusia mengekalkan kedudukannya (seperti dulu),” katanya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, Rusia perlu melangkah panjang ke hadapan setelah memeluk sistem demokrasi dan ekonomi pasaran terbuka.

Katanya, Rusia mempunyai kemahiran dalam banyak bidang berteknologi tinggi termasuk penerbangan tetapi masih

di belakang dalam bidang pembuatan barang-barang pengguna.

Beliau percaya keadaan ini berlaku kerana Rusia masih di peringkat peralihan daripada sistem komunisme ke demokrasi dan ekonomi pasaran bebas.

Mengenai keganasan, beliau menegaskan bahawa Malaysia menentang tindakan menyerang mana-mana negara untuk memerangi penganas sebagaimana Amerika Syarikat lakukan terhadap Afghanistan, dan kini kemungkinan terhadap Iraq.

Katanya, masalah penganas antarabangsa hanya boleh diselesaikan dengan mengatasi punca-punca yang mengakibatkan mereka bertindak ganas. — *Mingguan*

Kuat — PM